

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	24 NOVEMBER 2016

Tetap tolak kerjasama dengan DAP

Ibrahim sanggah Dr. Mahathir

Oleh AZRUL HAKIMIE ANUER

pengarang@utusan.com.my

■ KUALA LUMPUR 23 NOV.

PRESIDEN Pertubuhan Pribumi Perkasa Malaysia (Perkasa), Datuk Ibrahim Ali membidas Pengerusi Pertubuhan Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM), Tun Dr. Mahathir Mohamad kerana melabel beliau dan mana-mana pihak yang tidak bersetuju dengan bekas Perdana Menteri itu sebagai pemakan dedak.

Sambil menyifatkan tindakan itu mencalar maruahnya, Ibrahim berkata, pendirian untuk menolak perjuangan PPBM disebabkan parti itu bersekongkol dengan DAP.

Katanya, pengumuman beliau bahawa Perkasa akan meletakkan 50 calon bebas dalam Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU-14) tiada kena mengena dengan hasrat mahu membantu Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak, sebaliknya dibuat supaya calon Perkasa yang menang tidak perlu terikat dengan mana-mana parti.

Beliau turut kecewa kerana Perkasa yang dibangunkan dengan air mata sehingga menjadi satu-satunya pertubuhan bukan kerajaan (NGO) memperjuangkan orang Melayu setaraf Persa-



Sudah berkali-kali saya jelaskan kepada Dr. Mahathir bahawa saya tidak akan menyertai mana-mana parti yang bekerjasama dengan DAP, saya tak nak, DAP ini musuh dalam selimut dan musuh tradisi."

IBRAHIM ALI
Presiden Perkasa

tuan Lembaga Pengelola Sekolah Cina Malaysia (Dong Zong) cuba dipergunakan Dr. Mahathir demi kepentingan sendiri.

"Sudah berkali-kali saya jelaskan kepada Dr. Mahathir bahawa saya tidak akan menyertai mana-mana parti yang bekerjasama dengan DAP, saya tak nak, DAP ini musuh dalam selimut dan musuh tradisi. Saya juga pernah menyatakan ketegasan ini di hadapan bekas Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin dan bekas Naib Presiden UMNO, Datuk

Seri Mohd. Shafie Apdal.

"Saya juga mahu ingatkan sekali lagi, selama 40 tahun berjuang dalam arena politik, tidak pernah saya meminta sebarang upah daripada sesiapa untuk menyokong mereka, saya bukan pemakan dedak. Lapan tahun saya membangunkan Perkasa seorang diri tiada siapa membantu, namun bila sudah kuat ada orang mahu mengambil kesempatan," katanya dalam sidang akhbar di sini hari ini.

Baru-baru ini, Ibrahim me-

ngumumkan Perkasa akan meletakkan 50 calon yang akan bertanding di bawah tiket Bebas pada PRU-14, dengan tumpuan di kawasan majoriti Melayu. Lanjutan itu Dr. Mahathir dalam reaksinya berkata, beliau malu memiliki kawan seperti Ibrahim yang pernah menyatakan komitmen untuk sentiasa menyokongnya, tetapi kini enggan berbuat demikian disebabkan PPBM bekerjasama dengan DAP.

Ibrahim mengakui sangat menghormati dan taat kepada Dr. Mahathir sebagai seorang negarawan dan kawan, namun tidak mungkin ketaatan itu boleh mencapai 100 peratus, selebihnya perlu disimpan untuk diri sendiri.

Dalam perkembangan lain, beliau menampel sikap 'manja' penganjur perhimpunan Bersih 5.0, Maria Chin Abdullah yang banyak merungut selepas dipenjarakan dan sikap itu tidak menggambarkan beliau sebagai seorang pejuang.

"Mahu jadi pejuang kita kena tahan, dulu saya dua kali masuk penjara kerana Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA), paling lama saya ditahan dua tahun, ini baharu masuk penjara tiga hari sudah minta tilam, minta bantal. Lebih baik minta dimasukkan ke dalam hotel saja," katanya.

Um - 24/11/2016

